

# Mahathir dakwa rasa terhina

**A**LOR STAR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa tindakan menyekat beliau bertanding sebagai perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu ke Perhimpunan Agung Umno bagaikan satu penghinaan terhadapnya.

Beliau berkata, tindakan menghalangnya itu sebenarnya 'lebih pelik' daripada hasratnya sebagai bekas Presiden Umno mahu bertanding menjadi perwakilan bahagian itu pada 9 September ini.

"Yang itu (sekatan) lebih pelik, lebih menghina saya. Saya bekas Presiden Umno," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, di sini, semalam.

Beliau yang tiba dari Perak bagi lawatan peribadi di Kedah, diminta mengulas kenyataan beberapa pemimpin Umno mengenai pertandingan beliau di Umno Bahagian Kubang Pasu, dengan ada antaranya menyifatkan perkara itu pelik.

Dr Mahathir mendakwa walaupun menang pada pemilihan untuk menjadi perwakilan Kubang Pasu itu sekalipun, beliau masih mempunyai halangan untuk bercakap pada Perhimpunan Agung Umno, November nanti.

Katanya, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mahdzir Khalid, selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri sudah tentu tidak memilihnya berucap pada perhimpunan agung nanti.

"Sekalipun dipilih oleh Badan Perhubungan Umno Kedah untuk berucap pada Perhimpunan Agung Umno, tentu saya diberi masa yang pendek, mungkin sekadar lima minit. Dengan masa banyak itu, tidak boleh berkata apalah," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada beberapa isu yang akan ketengahkannya sekiranya terpilih menjadi perwakilan dan dibenarkan berucap. Namun, beliau enggan memberitahu pemberita isu berkenaan.

Menyentuh usul yang diluluskan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu, semalam supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nazri Aziz dipecat daripada Umno kerana lantang mengkritik beliau, Dr Mahathir berkata, beliau tidak peduli sama ada Umno akan mengambil tindakan atau tidak.